

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bertindak menstrukturkan semula dana yang telah diperuntukkan kepada Kementerian-kementerian pada tahun ini berikutan penularan wabak COVID-19. Jika ya, nyatakan jumlah dana yang distrukturkan semula untuk setiap Kementerian-kementerian yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini, Belanjawan 2020 perlu dikaji semula untuk mengambil kira kedudukan ekonomi dan keutamaan dasar semasa. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telahpun selesai melaksanakan tindakan penyesuaian Belanjawan 2020 pada 15 Julai 2020 dengan mengambil kira prestasi perbelanjaan kementerian yang perlahaan terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari bulan Mac hingga Jun 2020. Penjimatan ini akan diagihkan semula untuk menampung ruang fiskal serta inisiatif yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Sekian, terima kasih.